



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 135

AKTA PERKONGSIAN 1961

Mengandungi segala pindaan sehingga 1 Januari 2006

Teks ini HANYA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Partnership Act 1961. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD

2006

AKTA PERKONGSIAN 1961

Pertama kali diperbuat 1961 (Ordinan Sabah
No. 1 Tahun 1961)

Disemak 1974 (Akta 135 m.b.p.
1 Julai 1974)

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1997

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 135

AKTA PERKONGSIAN 1961

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

SIFAT PERKONGSIAN

3. Takrif perkongsian
4. Keadaan tertentu yang bukan perkongsian *prima facie*
5. Penundaan hak seseorang yang memberi pinjaman atau menjual sebagai balasan kepada bahagian keuntungan dalam hal kebangkrapan
6. Erti firma dan nama firma

BAHAGIAN III

HUBUNGAN PEKONGSI DENGAN ORANG YANG BERURUSAN DENGAN MEREKA

7. Kuasa pekongsi untuk mengikat firma
8. Pekongsi terikat dengan tindakan bagi pihak firma
9. Pekongsi yang menggunakan kredit firma bagi maksud persendirian
10. Kesan notis bahawa firma tidak akan terikat dengan tindakan pekongsi
11. Liabiliti pekongsi
12. Liabiliti firma kerana salah

Seksyen

13. Menyalahgunakan wang atau harta yang diterima untuk atau dalam penjagaan firma
14. Liabiliti kerana salah bersesama dan berasingan
15. Penggunaan tidak wajar harta amanah bagi maksud perkongsian
16. Orang yang bertanggung dengan “mengemukakan diri”
17. Pengakuan dan representasi pekongsi
18. Notis kepada pekongsi yang bertindak menjadi notis kepada firma
19. Liabiliti pekongsi yang hendak masuk dan yang akan keluar
20. Pembatalan gerenti berterusan oleh perubahan dalam firma

BAHAGIAN IV

HUBUNGAN PEKONGSI SESAMA SENDIRI

21. Perubahan dengan persetujuan mengenai terma perkongsian
22. Harta perkongsian
23. Harta yang dibeli dengan wang perkongsian
24. Menukar tanah yang dipegang sebagai harta perkongsian kepada harta sendiri
25. Tatacara terhadap harta perkongsian bagi hutang penghakiman berasingan pekongsi
26. Kaedah tentang kepentingan dan kewajipan pekongsi, tertakluk kepada perjanjian khas
27. Pemecatan pekongsi
28. Bersara daripada perkongsian mengikut kehendak
29. Jika perkongsian bagi tempoh diteruskan, penerusan atas terma lama dianggapkan
30. Kewajipan pekongsi untuk memberikan akaun, dsb.
31. Kebertanggungjawapan pekongsi atas keuntungan persendirian
32. Kewajipan pekongsi supaya tidak bertanding dengan firma
33. Hak pemegang serahhak terhadap bahagian dalam perkongsian

BAHAGIAN V

PEMBUBARAN PERKONGSIAN DAN AKIBATNYA

34. Pembubaran kerana habis tempoh atau notis
35. Pembubaran kerana kebangkrapan, kematian atau penggadaian

Seksyen

36. Pembubaran kerana perkongsian menyalahi undang-undang
37. Pembubaran oleh mahkamah
38. Hak orang yang berurusan dengan firma terhadap anggota zahir firma
39. Hak pekongsi untuk memberitahu mengenai pembubaran
40. Kuasa pekongsi berterusan bagi maksud penggulungan
41. Hak pekongsi tentang penggunaan harta perkongsian
42. Pengumpulan premium jika perkongsian dibubarkan secara pramasa
43. Hak jika perkongsian dibubarkan kerana fraud atau salah nyataan
44. Hak pekongsi yang akan keluar dalam hal tertentu untuk berkongsi keuntungan yang diperoleh selepas pembubaran
45. Bahagian pekongsi yang bersara atau yang mati hendaklah menjadi suatu hutang
46. Kaedah bagi pembahagian aset setelah penyelesaian muktamad akaun
47. Kecualian

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 135

AKTA PERKONGSIAN 1961

Suatu Akta berhubungan dengan perkongsian.

[*Sabah—29 April 1961;*
Negeri-Negeri lain—1 Julai 1974; Akta A240.]

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkongsian 1961.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini—

“kebankrapan” ertinya—

- (a) menjadi perkara dalam suatu perintah penghukuman di bawah Akta Kebankrapan 1967 [*Akta 360*];
- (b) membuat perkiraan untuk membayar kepada pemiutang amaun yang kurang daripada amaun sepenuhnya yang terhutang; atau
- (c) mati dalam keadaan tidak solven;

“urusan” termasuk tiap-tiap tred, pekerjaan atau profesion.

BAHAGIAN II

SIFAT PERKONGSIAN

Takrif perkongsian

3. (1) Perkongsian ialah perhubungan yang wujud antara orang yang menjalankan urusan bersama dengan tujuan mendapat keuntungan.

(2) Perhubungan antara anggota sesuatu syarikat atau persatuan yang—

- (a) didaftarkan sebagai syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] atau sebagai koperasi di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan koperasi; atau
- (b) ditubuhkan atau diperbadankan oleh atau menurut—
 - (i) mana-mana undang-undang lain yang berkuat kuasa di Malaysia atau mana-mana bahagiannya; atau
 - (ii) sesuatu surat kurnia, Piagam Diraja atau Akta Parlimen United Kingdom,

bukanlah suatu perkongsian mengikut pengertian Akta ini.

Keadaan tertentu yang bukan perkongsian *prima facie*

4. Bagi menentukan sama ada suatu perkongsian itu wujud atau tidak, perhatian hendaklah diberikan kepada kaedah yang berikut:

- (a) penyewaan bersama, *tenancy in common*, harta bersama, harta am, atau pemunyaan separa tidak dengan sendirinya mewujudkan suatu perkongsian tentang apa-apa jua yang dipegang atau dipunyai sedemikian, sama ada penyewa atau pemunya itu berkongsi atau tidak berkongsi apa-apa keuntungan yang diperoleh melalui penggunaannya;
- (b) perkongsian pulangan kasar tidak dengan sendirinya mewujudkan suatu perkongsian, sama ada orang yang berkongsi pulangan sedemikian mempunyai atau tidak mempunyai hak atau kepentingan bersama atau am dalam apa-apa harta yang daripadanya atau yang daripada penggunaannya pulangan itu diperoleh;
- (c) penerimaan oleh seseorang akan suatu bahagian daripada keuntungan urusan ialah keterangan *prima facie* bahawa dia seorang pekongsi dalam urusan itu, tetapi penerimaan bahagian itu, atau sesuatu bayaran yang kontingen atas atau berubah mengikut keuntungan sesuatu urusan tidak dengan sendirinya menjadikannya seorang pekongsi dalam urusan itu; dan khususnya—
 - (i) penerimaan oleh seseorang akan suatu hutang atau amaun jumlah tertentu lain, secara ansuran atau selainnya, daripada keuntungan yang terakru bagi

sesuatu urusan tidak dengan sendirinya menjadikan dia seorang pekongsi dalam urusan itu atau bertanggung sedemikian;

- (ii) suatu kontrak bagi saraan seorang pengkhidmat atau ejen seseorang yang melibatkan diri dalam sesuatu urusan dengan menerima suatu bahagian daripada keuntungan urusan itu tidak dengan sendirinya menjadikan pekhidmat atau ejen itu seorang pekongsi dalam urusan itu atau bertanggung sedemikian;
- (iii) seseorang yang sebagai balu atau anak kepada pekongsi yang telah mati, dan yang menerima melalui anuiti suatu bahagian daripada keuntungan yang diperoleh dalam urusan yang dalamnya si mati merupakan seorang pekongsi, bukan, disebabkan hanya oleh penerimaan sedemikian, seorang pekongsi dalam urusan itu atau bertanggung sedemikian;
- (iv) pendahuluan wang secara pinjaman kepada seseorang yang melibatkan diri atau yang hampir melibatkan diri dalam apa-apa urusan atas suatu kontrak dengan orang itu bahawa pemberi pinjaman hendaklah menerima kadar faedah yang berubah mengikut keuntungan, atau hendaklah menerima suatu bahagian daripada keuntungan, yang timbul daripada menjalankan urusan itu, tidak dengan sendirinya menjadikan pemberi pinjaman itu seorang pekongsi dengan orang yang menjalankan urusan itu atau bertanggung sedemikian:

Dengan syarat bahawa kontrak itu secara bertulis dan ditandatangani oleh atau bagi pihak semua pihak kepadanya; dan

- (v) seseorang yang menerima, melalui anuiti atau selainnya, suatu bahagian daripada keuntungan sesuatu urusan sebagai balasan kepada jualan olehnya akan nama baik urusan bukan, disebabkan hanya oleh penerimaan sedemikian, seorang pekongsi dalam urusan itu atau bertanggung sedemikian.

Penundaan hak seseorang yang memberi pinjaman atau menjual sebagai balasan kepada bahagian keuntungan dalam hal kebangkrapan

5. Sekiranya berlaku kebangkrapan atas seseorang yang kepadanya wang telah didahulukan melalui pinjaman atas suatu kontrak sebagaimana yang disebut dalam subperenggan 4(c)(iv), atau kebangkrapan seseorang pembeli nama baik sebagai balasan bagi suatu bahagian daripada keuntungan urusan itu, pemberi pinjaman itu tidak berhak mendapat apa-apa jua berkenaan dengan pinjamannya, dan penjual nama baik itu tidak berhak mendapat apa-apa jua berkenaan dengan bahagian keuntungan yang dikontrakkan, sehingga tuntutan pemiutang lain peminjam atau pembeli bagi balasan bernilai dalam bentuk wang atau nilai wang itu telah diselesaikan.

Erti firma dan nama firma

6. Orang yang telah mengikat perkongsian antara satu sama lain, bagi maksud Akta ini, dipanggil secara kolektif sebagai suatu firma, dan nama yang di bawahnya urusan mereka dijalankan adalah dipanggil nama firma.

BAHAGIAN III**HUBUNGAN PEKONGSI DENGAN ORANG YANG BERURUSAN DENGAN MEREKA****Kuasa pekongsi untuk mengikat firma**

7. Tiap-tiap pekongsi ialah ejen firma dan pekongsinya yang lain bagi maksud urusan perkongsian itu; dan tindakan tiap-tiap pekongsi yang melakukan apa-apa tindakan bagi perjalanan biasa urusan daripada jenis yang dijalankan oleh firma itu yang dia ialah seorang anggota mengikat firma itu dan pekongsinya, melainkan jika pekongsi yang bertindak sedemikian sebenarnya tidak mempunyai kuasa untuk bertindak bagi firma itu dalam perkara tertentu itu, dan orang yang dengannya dia berurusniaga sama ada mengetahui bahawa dia tidak mempunyai kuasa atau tidak mengetahui atau mempercayainya sebagai seorang pekongsi.

Pekongsi terikat dengan tindakan bagi pihak firma

8. Sesuatu tindakan atau surat cara yang berhubungan dengan urusan firma itu dan dilakukan atau disempurnakan atas nama-firma itu, atau dengan apa-apa cara lain yang menunjukkan niat untuk mengikat firma itu, oleh mana-mana orang yang diberi kuasa, sama ada seorang pekongsi atau tidak, mengikat firma itu dan semua pekongsinya:

Dengan syarat bahawa seksyen ini tidak menyentuh mana-mana kaedah am undang-undang berhubungan dengan penyempurnaan surat ikatan atau surat cara boleh niaga.

Pekongsi yang menggunakan kredit firma bagi maksud persendirian

9. Jika seorang pekongsi menyandarkan kredit firma itu bagi maksud yang pada zahirnya tidak berkaitan dengan penjalanan biasa urusan firma itu, firma itu tidak terikat, melainkan jika pekongsi itu sebenarnya diberi kuasa secara khusus oleh pekongsi lain; tetapi seksyen ini tidak menyentuh apa-apa liabiliti persendirian yang ditanggung oleh seseorang pekongsi individu.

Kesan notis bahawa firma tidak akan terikat dengan tindakan pekongsi

10. Jika telah dipersetujui antara pekongsi bahawa apa-apa sekatan hendaklah dikenakan pada kuasa mana-mana seorang atau beberapa pekongsi untuk mengikat firma itu, tiada apa jua tindakan yang dilakukan berlanggaran dengan persetujuan itu boleh mengikat firma itu berkenaan dengan orang yang mempunyai makluman mengenai persetujuan itu.

Liabiliti pekongsi

11. Tiap-tiap pekongsi sesuatu firma bertanggung secara bersesama dengan pekongsi lain bagi segala hutang dan obligasi firma itu yang dilakukan semasa dia seorang pekongsi; dan selepas kematiannya harta pusakanya juga bertanggung secara berasingan dalam penjalanan wajar pentadbiran bagi hutang dan obligasi itu, selagi ia tidak dijelaskan tetapi tertakluk kepada pembayaran sebelumnya akan hutang berasingannya.

Liabiliti firma kerana salah

12. Jika, melalui apa-apa tindakan salah atau peninggalan mana-mana pekongsi yang bertindak dalam perjalanan biasa urusan firma itu atau dengan kuasa pekongsi bersamanya, kerugian atau kecederaan berlaku ke atas mana-mana orang yang bukannya seorang pekongsi dalam firma itu, atau sesuatu penalti tertanggung, firma itu bertanggung baginya setakat yang sama dengan pekongsi yang telah bertindak atau ketinggalan untuk bertindak sedemikian.

Menyalahgunakan wang atau harta yang diterima untuk atau dalam penjagaan firma

13. Dalam keadaan yang berikut, iaitu:

- (a) jika seorang pekongsi, yang bertindak dalam skop kuasa zahirnya, menerima wang atau harta orang ketiga dan menyalahgunakannya; dan
- (b) jika suatu firma dalam perjalanan urusannya menerima wang atau harta orang ketiga, dan wang atau harta yang diterima sedemikian disalahgunakan oleh seorang atau beberapa pekongsi semasa wang atau harta itu berada dalam jagaan firma itu,

firma itu adalah bertanggung untuk mengganti kerugian itu.

Liabiliti kerana salah bersesama dan berasingan

14. Tiap-tiap pekongsi bertanggung secara bersesama dengan pekongsi bersamanya dan juga bertanggung secara berasingan bagi segala yang firma itu menjadi bertanggung di bawah seksyen 12 atau 13 semasa dia menjadi seorang pekongsi dalamnya.

Penggunaan tak wajar harta amanah bagi maksud perkongsian

15. Jika seorang pekongsi, selaku pemegang amanah, menggunakan secara tidak wajar harta amanah dalam urusan atau bagi pihak perkongsian itu, tiada pekongsi lain pun bertanggung bagi harta amanah itu kepada orang yang mempunyai kepentingan benefisial dalamnya:

Dengan syarat seperti yang berikut:

- (a) seksyen ini tidak menyentuh apa-apa liabiliti yang ditanggung oleh mana-mana pekongsi oleh sebab dia mempunyai maklumat mengenai suatu pecah amanah; dan
- (b) tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh mencegah wang amanah daripada diikuti dan didapatkan daripada firma itu, jika wang amanah itu masih berada dalam milikan atau di bawah kawalannya.

Orang yang bertanggung dengan “mengemukakan diri”

16. Tiap-tiap orang yang dengan perkataan yang dilafazkan atau dituliskan atau dengan tingkah lakunya menggambarkan dirinya, atau yang dengan disedarinya membiarkan dirinya, digambarkan, sebagai seorang pekongsi dalam suatu firma tertentu bertanggung sebagai seorang pekongsi kepada sesiapa yang dengan mempercayai mana-mana representasi sedemikian telah memberi kredit kepada firma itu, sama ada representasi itu telah atau belum dibuat atau disampaikan kepada orang yang memberi kredit sedemikian oleh atau dengan pengetahuan pekongsi zahir yang membuat representasi itu atau membiarkannya dibuat:

Dengan syarat bahawa jika, selepas kematian seorang pekongsi, urusan perkongasian itu diteruskan atas nama firma yang lama, penggunaan berterusan nama itu atau nama pekongsi yang telah mati itu sebagai sebahagian daripadanya tidak dengan sendirinya menjadikan harta atau benda wasi atau pentadbir bagi pekongsi yang telah mati itu bertanggung bagi apa-apa hutang perkongasian yang dilakukan selepas kematiannya.

Pengakuan dan representasi pekongsi

17. Sesuatu pengakuan atau representasi yang dibuat oleh mana-mana pekongsi berkenaan dengan hal-ehwal perkongasian itu, dan dalam perjalanan biasa urusannya, ialah keterangan terhadap firma itu.

Notis kepada pekongsi yang bertindak menjadi notis kepada firma

18. Notis kepada mana-mana pekongsi yang lazimnya bertindak dalam urusan perkongsian bagi apa-apa perkara yang berhubungan dengan hal-ehwal perkongsian berkuat kuasa sebagai notis kepada firma itu, kecuali dalam hal fraud ke atas firma yang dilakukan oleh atau dengan persetujuan pekongsi itu.

Liabiliti pekongsi yang hendak masuk dan yang akan keluar

19. (1) Seseorang yang diterima masuk sebagai pekongsi dalam suatu firma yang sedia ada tidak oleh sebab itu menjadi bertanggung kepada pemiutang firma itu bagi apa-apa jua yang dilakukan sebelum dia menjadi pekongsi.

(2) Seseorang pekongsi yang bersara daripada suatu firma tidak oleh sebab itu terhenti daripada bertanggung ke atas hutang atau obligasi perkongsian yang dilakukan sebelum persaraannya.

(3) Seseorang pekongsi yang bersara boleh dilepaskan daripada mana-mana tanggungan yang sedia ada oleh suatu perjanjian yang dibuat bagi maksud itu antara dirinya dengan anggota firma itu sebagai baru ditubuhkan dengan pemiutang, dan perjanjian ini boleh sama ada dibuat secara nyata atau disimpulkan sebagai hakikat daripada penjalanan urusaniaga antara pemiutang dengan firma itu sebagai baru ditubuhkan.

Pembatalan gerenti berterusan oleh perubahan dalam firma

20. Suatu gerenti berterusan yang diberikan sama ada kepada suatu firma atau kepada orang ketiga berkenaan dengan transaksi sesuatu firma, jika sekiranya tidak ada perjanjian sebaliknya, terbatal bagi transaksi masa depan oleh apa-apa perubahan dalam keanggotaan firma itu yang kepadanya, atau firma yang berkenaan dengan transaksi yang mengenainya, gerenti itu diberikan.

BAHAGIAN IV**HUBUNGAN PEKONGSI SESAMA SENDIRI****Perubahan dengan persetujuan mengenai terma perkongsian**

21. Hak dan kewajipan bersama pekongsi, sama ada yang ditentukan melalui perjanjian atau ditafsirkan oleh Akta ini, boleh diubah

dengan persetujuan semua pekongsi, dan persetujuan sedemikian boleh sama ada dibuat secara nyata atau disimpulkan daripada sesuatu penjalanan urusaniaga.

Harta perkongasian

22. (1) Segala harta dan hak dan kepentingan dalam harta yang pada asalnya dibawa ke dalam stok perkongasian atau diperolehi, sama ada melalui pembelian atau selainnya, untuk firma itu atau bagi maksud dan dalam penjalanan urusan perkongasian itu, dipanggildalam Akta ini harta perkongasian dan mestilah dipegang dan digunakan oleh pekongsi secara eksklusif bagi maksud perkongasian itu dan menurut perjanjian perkongasian:

Dengan syarat bahawa harta atau kepentingan di sisi undang-undang dalam mana-mana tanah kepunyaan perkongasian itu hendaklah diturunkan mengikut jenis dan tempohnya dan kaedah undang-undang am yang terpakai baginya tetapi atas amanah, setakat yang perlu, bagi orang yang mempunyai kepentingan benefisial dalam tanah itu di bawah seksyen ini.

(2) Jika pemunya bersama sesuatu harta atau kepentingan dalam mana-mana tanah, yang bukan dengan sendirinya merupakan harta perkongasian, ialah pekongsi keuntungan yang diperolehi daripada penggunaan tanah itu, dan membeli tanah lain daripada keuntungan yang hendak digunakan dengan cara yang sama, tanah yang dibeli sedemikian ialah kepunyaan mereka, jika sekiranya tidak ada apa-apa perjanjian sebaliknya, bukan sebagai pekongsi, tetapi sebagai pemunya bersama masing-masingnya harta dan kepentingan yang sama sebagaimana yang dipegang oleh mereka dalam tanah yang mula-mula disebut pada tarikh pembelian itu.

Harta yang dibeli dengan wang perkongasian

23. Melainkan jika terdapat niat sebaliknya, harta yang dibeli dengan wang kepunyaan firma disifatkan telah dibeli untuk firma itu.

Menukar tanah yang dipegang sebagai harta perkongasian kepada harta sendiri

24. Jika tanah atau apa-apa kepentingan dalamnya telah menjadi harta perkongasian, ia hendaklah, melainkan jika terdapat niat

sebaliknya, dikira antara pekongsi (termasuk wakil seseorang pekongsi yang telah mati), dan juga antara waris seseorang pekongsi yang telah mati dan wasi atau pentadbirnya, sebagai harta sendiri dan bukan harta tanah.

Tatacara terhadap harta perkongsian bagi hutang penghakiman berasingan pekongsi

25. (1) Suatu writ pelaksanaan tidak boleh dikeluarkan terhadap mana-mana harta perkongsian kecuali atas suatu penghakiman terhadap firma itu.

(2) Mahkamah boleh atas permohonan melalui saman oleh mana-mana pemiutang penghakiman seseorang pekongsi, membuat suatu perintah mempertanggungjawabkan kepentingan pekongsi itu dalam harta dan keuntungan perkongsian itu dengan bagi pembayaran amaun hutang penghakiman dan bunga ke atasnya, dan dengan perintah yang sama atau yang berikutnya, boleh melantik seorang penerima bagi bahagian keuntungan pekongsi itu (sama ada telah diisytiharkan atau masih terakru), dan bagi apa-apa wang lain yang akan diterimanya berkenaan dengan perkongsian itu, dan mengarahkan segala akaun dan siasatan, dan memberi segala perintah dan arahan lain, yang mungkin telah diarahkan atau diberikan jika gadaian itu telah dibuat bagi faedah pemiutang penghakiman oleh pekongsi itu, atau yang mengikut kehendak hal keadaan kes.

(3) Pekongsi atau pekongsi lain bebas pada bila-bila masa untuk menebus kepentingan yang digadaikan, atau, jika kepentingan itu diarahkan supaya dijual, untuk membeli kepentingan itu.

Kaedah tentang kepentingan dan kewajipan pekongsi, tertakluk kepada perjanjian khas

26. Kepentingan pekongsi dalam harta perkongsian, dan hak dan kewajipan mereka berhubungan dengan perkongsian itu, hendaklah ditentukan, tertakluk kepada apa-apa perjanjian, secara nyata atau tersirat, antara pekongsi itu, oleh kaedah yang berikut:

- (a) semua pekongsi adalah berhak berkongsi secara sama rata modal dan keuntungan urusan itu, dan mestilah membuat sumbangan secara sama rata bagi kerugian, sama ada kerugian modal atau selainnya, yang dialami oleh firma itu;

- (b) firma mestilah menanggung rugi tiap-tiap pekongsi berkenaan dengan bayaran yang dibuat dan liabiliti diri yang ditanggung olehnya—
 - (i) dalam penjalanan biasa dan wajar urusan firma itu; atau
 - (ii) dalam atau mengenai apa-apa jua yang perlu dilakukan bagi pemeliharaan urusan atau harta firma itu;
- (c) seseorang pekongsi yang membuat, bagi maksud perkongsian, apa-apa bayaran atau pendahuluan sebenar yang melebihi amaun modal yang dia telah bersetuju untuk menyumbang, berhak menerima faedah atas kadar lapan peratus setahun dari tarikh bayaran atau pendahuluan itu;
- (d) seseorang pekongsi tidak berhak, sebelum keuntungan ditentukan, kepada faedah atas modal yang disumbangkannya;
- (e) tiap-tiap pekongsi boleh mengambil bahagian dalam menguruskan urusan perkongsian itu;
- (f) tiada seorang pun pekongsi berhak menerima saraan kerana bertindak dalam urusan perkongsian itu;
- (g) tiada seorang pun boleh diterima sebagai seorang pekongsi tanpa persetujuan semua pekongsi yang ada;
- (h) apa-apa perselisihan yang timbul tentang perkara biasa yang berkaitan dengan urusan perkongsian boleh diputuskan oleh majoriti pekongsi itu, tetapi tiada perubahan boleh dibuat bagi jenis urusan perkongsian itu tanpa persetujuan semua pekongsi yang ada; dan
- (i) buku perkongsian hendaklah disimpan di tempat urusan perkongsian (atau di tempat utama, jika ada lebih daripada satu tempat) dan tiap-tiap pekongsi, apabila difikirkannya patut, boleh ada akses kepada dan memeriksa dan menyalin mana-mana buku itu.

Pemecatan pekongsi

27. Majoriti daripada pekongsi tidak boleh memecat mana-mana pekongsi, melainkan jika kuasa untuk berbuat sedemikian telah diberikan melalui persetujuan nyata antara pekongsi itu.

Bersara daripada perkongsian mengikut kehendak

28. (1) Jika tiada tempoh tetap dipersetujui bagi jangka masa perkongsian itu, mana-mana pekongsi boleh menamatkan perkongsian itu pada bila-bila masa dengan memberi notis mengenai niatnya untuk berbuat demikian kepada semua pekongsi lain.

(2) Jika pada asalnya perkongsian itu telah ditubuhkan melalui dokumen bertulis, suatu notis bertulis, yang ditandatangani oleh pekongsi yang memberinya, adalah mencukupi bagi maksud ini.

Jika perkongsian bagi tempoh diteruskan, penerusan atas terma lama dianggapkan

29. (1) Jika suatu perkongsian yang dibuat bagi suatu tempoh tetap diteruskan setelah habis tempoh itu, dan tanpa apa-apa perjanjian baru yang nyata, hak dan kewajipan pekongsi adalah sama seperti pada masa tempoh itu habis, setakat yang selaras dengan insiden perkongsian mengikut kehendak.

(2) Penerusan urusan oleh pekongsi atau mana-mana daripada mereka yang lazimnya bertindak dalamnya semasa tempoh itu, tanpa apa-apa penyelesaian atau likuidasi akan hal ehwal perkongsian, dianggap sebagai penerusan perkongsian itu.

Kewajipan pekongsi untuk memberikan akaun, dsb.

30. Pekongsi terikat untuk memberikan akaun yang benar dan maklumat penuh mengenai segala benda yang melibatkan perkongsian itu kepada mana-mana pekongsi atau wakilnya di sisi undang-undang.

Kebertanggungjawapan pekongsi atas keuntungan persendirian

31. (1) Tiap-tiap pekongsi mestilah menjelaskan kepada firma bagi apa-apa faedah yang diperolehinya, tanpa persetujuan pekongsi lain, daripada apa-apa transaksi berkenaan dengan perkongsian itu atau daripada apa-apa penggunaan olehnya akan harta, nama atau hubungan urusan perkongsian itu.

(2) Seksyen ini juga terpakai bagi transaksi yang dijalankan setelah sesuatu perkongasian dibubarkan dengan kematian seorang pekongsi, dan sebelum hal ehwal perkongasian itu digulungkan sepenuhnya, sama ada oleh mana-mana pekongsi yang menakat atau oleh wakil pekongsi yang telah mati.

Kewajipan pekongsi supaya tidak bertanding dengan firma

32. Jika seseorang pekongsi, tanpa persetujuan pekongsi lain, menjalankan apa-apa urusan yang sama jenisnya dan bertanding dengan urusan firma itu, dia mesti menjelaskan dan membayar kepada firma itu segala keuntungan yang diperolehinya dalam urusan itu.

Hak pemegang serahhak terhadap bahagian dalam perkongasian

33. (1) Suatu penyerahhak oleh mana-mana pekongsi akan bahagiannya dalam perkongasian, sama ada secara mutlak atau melalui gadai-janji atau gadaian boleh tebus, tidak akan, terhadap pekongsi lain, memberi hak kepada pemegang serahhak itu, semasa perkongasian itu berterusan, untuk campur tangan dalam pengurusan atau pentadbiran urusan atau hal ehwal perkongasian itu, atau untuk menghendaki apa-apa akaun mengenai transaksi perkongasian itu, atau untuk memeriksa buku perkongasian itu, tetapi hanya memberi pemegang serahhak hak untuk menerima bahagian keuntungan yang selainnya berhak diterima oleh pekongsi yang menyerahkan itu, dan pemegang serahhak itu mesti menerima akaun keuntungan yang dipersetujui oleh pekongsi.

(2) Dalam hal suatu pembubaran perkongasian, sama ada berkenaan dengan semua pekongsi atau berkenaan dengan pekongsi yang menyerahkan, pemegang serahhak berhak menerima bahagian aset perkongasian yang pekongsi yang menyerahkan itu adalah berhak kepadanya antara dirinya dengan pekongsi lain, dan, bagi maksud menentukan bahagian itu, dia berhak menerima suatu akaun dari tarikh pembubaran itu.

BAHAGIAN V

PEMBUBARAN PERKONGSIAN DAN AKIBATNYA

Pembubaran kerana habis tempoh atau notis

34. (1) Tertakluk kepada apa-apa perjanjian antara pekongsi, sesuatu perkongasian dibubarkan—

(a) jika dibuat bagi suatu tempoh tetap, dengan habisnya tempoh itu;

- (b) jika dibuat bagi suatu usaha atau perusahaan tunggal, dengan penamatan usaha atau perusahaan itu; atau
- (c) jika dibuat bagi suatu masa yang tak ditentukan, dengan mana-mana pekongsi memberikan notis kepada pekongsi lain mengenai niatnya untuk membubarkan perkongsian itu.

(2) Dalam hal yang akhir disebut itu, perkongsian itu terubur mulai dari tarikh yang disebut dalam notis itu sebagai tarikh pembubaran, atau, jika tiada tarikh disebutkan, mulai dari tarikh penyampaian notis itu.

Pembubaran kerana kebangkrapan, kematian atau penggadaan

35. (1) Tertakluk kepada apa-apa perjanjian antara pekongsi, tiap-tiap perkongsian terubur berkenaan dengan semua pekongsi dengan kematian atau kebangkrapan mana-mana pekongsi.

(2) Sesuatu perkongsian, atas opsyen pekongsi lain, boleh dibubarkan jika mana-mana pekongsi membiarkan bahagian harta perkongsiannya digadaikan di bawah Akta ini bagi hutangnya yang berasingan.

Pembubaran kerana perkongsian menyalahi undang-undang

36. Suatu perkongsian dalam tiap-tiap hal terubur dengan berlakunya apa-apa kejadian yang menjadikannya menyalahi undang-undang bagi urusan firma itu dijalankan atau bagi anggota firma itu menjalankannya secara perkongsian.

Pembubaran oleh mahkamah

37. Atas permohonan oleh seseorang pekongsi, mahkamah boleh mendekrikan suatu pembubaran perkongsian dalam mana-mana hal yang berikut:

- (a) apabila seseorang pekongsi didapati gila atau diperlihatkan, sehingga mahkamah berpuas hati, sebagai tidak sempurna akal secara kekal, dalam mana-mana satu hal itu permohonan boleh juga dibuat bagi pihak pekongsi itu oleh jawatankuasanya, atau sahabat wakilnya, atau orang yang mempunyai hak untuk campur tangan sebagaimana mana-mana seseorang pekongsi lain;

- (b) apabila seseorang pekongsi, selain daripada pekongsi yang membawa guaman, menjadi dengan apa-apa cara lain tidak upaya secara kekal untuk melaksanakan bahagiannya bagi kontrak perkongasian itu;
- (c) apabila seseorang pekongsi, selain daripada pekongsi yang membawa guaman, telah bersalah atas apa-apa kelakuan, yang pada pendapat mahkamah, dengan mengambil perhatian akan jenis urusan itu, dikira akan menjejaskan perjalanan urusan itu;
- (d) apabila seseorang pekongsi, selain daripada pekongsi yang membawa guaman, dengan sengaja atau dengan kerap memungkiri perjanjian perkongasian atau selainnya berkelakuan sedemikian dalam perkara yang berhubungan dengan urusan perkongasian hingga tidak semunasabahnya praktik bagi pekongsi lain menjalankan urusan perkongasian dengannya;
- (e) apabila urusan perkongasian itu hanya boleh dijalankan dengan kerugian; dan
- (f) bila masa dalam apa-apa hal timbul hal keadaan yang, pada pendapat mahkamah, menjadikannya adil dan saksama perkongasian itu dibubarkan.

Hak orang yang mengurus niaga dengan firma terhadap anggota zahir firma

38. (1) Jika seseorang itu mengurus niaga dengan suatu firma setelah ada perubahan dalam keanggotaannya, dia berhak menganggap semua anggota zahir firma lama itu sebagai masih menjadi anggota firma itu sehingga dia menerima notis mengenai perubahan itu.

(2) Suatu iklan dalam *Warta* Persekutuan tentang sesuatu firma yang tempat utama urusannya ialah di Malaysia Barat, dalam *Warta* Sabah tentang sesuatu firma yang tempat utama urusannya ialah di Sabah, dan dalam *Warta* Sarawak tentang sesuatu firma yang tempat utama urusannya ialah di Sarawak, hendaklah menjadi notis bagi orang yang tidak ada urusan dengan firma itu sebelum tarikh pembubaran atau perubahan yang diiklankan itu.

(3) Harta pusaka seorang pekongsi yang mati atau yang menjadi bankrap, atau harta pusaka seorang pekongsi yang, dengan tidak diketahui oleh orang yang mengurus niaga dengan firma itu sebagai seorang pekongsi, bersara daripada firma itu, tidak bertanggung masing-masingnya bagi hutang perkongasian yang dilakukan selepas tarikh kematian, kebangkrapan atau persaraan itu.

Hak pekongsi untuk memberitahu mengenai pembubaran

39. Atas pembubaran sesuatu perkongsian atau persaraan seseorang pekongsi, mana-mana pekongsi boleh memberitahu kepada awam mengenai pembubaran atau persaraan itu, dan boleh menghendaki pekongsi lain supaya bersetuju bagi maksud itu dalam segala tindakan yang perlu atau wajar, jika ada, yang tidak boleh dilakukan tanpa persetujuannya.

Kuasa pekongsi berterusan bagi maksud penggulungan

40. Selepas pembubaran sesuatu perkongsian, kuasa setiap pekongsi untuk mengikat firma itu, dan hak dan obligasi lain pekongsi itu, berterusan, walaupun terdapat pembubaran itu, setakat yang perlu bagi menggulung hal ehwal perkongsian itu, dan untuk menyempurnakan transaksi yang telah dimulakan tetapi belum diselesaikan pada masa pembubaran itu, tetapi tidak sebaliknya:

Dengan syarat bahawa firma itu tidak dalam apa-apa hal pun terikat dengan tindakan seseorang pekongsi yang telah menjadi bankrap; tetapi *proviso* ini tidak menyentuh liabiliti mana-mana orang yang telah, selepas kebangkrutan itu, menggambarkan dirinya atau dengan disedarinya membiarkan dirinya digambarkan sebagai seorang pekongsi sibankrap.

Hak pekongsi tentang penggunaan harta perkongsian

41. Atas pembubaran sesuatu perkongsian, tiap-tiap pekongsi berhak, terhadap pekongsi lain dalam firma itu dan semua orang yang menuntut melalui mereka berkenaan dengan kepentingan mereka sebagai pekongsi, supaya harta perkongsian itu digunakan bagi membayar hutang dan liabiliti firma itu, dan supaya aset lebihan selepas pembayaran sedemikian digunakan bagi membayar apa-apa yang kena dibayar masing-masingnya kepada pekongsi, setelah menolak apa-apa yang kena dibayar oleh mereka sebagai pekongsi kepada firma itu; dan bagi maksud itu mana-mana pekongsi atau wakilnya, atas penamatan perkongsian itu, boleh memohon kepada mahkamah untuk menggulung urusan dan hal ehwal firma itu.

Pengumpulan premium jika perkongsian dibubarkan secara pramasa

42. Jika seorang pekongsi telah membayar premium kepada pekongsi lain apabila memasuki sesuatu perkongsian bagi suatu tempoh tetap, dan perkongsian itu dibubarkan sebelum habis tempoh itu selain daripada dengan kematian seseorang pekongsi, mahkamah boleh memerintahkan pembayaran balik premium itu, atau apa-apa bahagian daripadanya sebagaimana yang difikirkannya adil, setelah mengambil perhatian kepada terma kontrak perkongsian itu dan kepada jangka masa perkongsian itu telah berterusan; melainkan jika—

- (a) pembubaran itu, mengikut penghakiman mahkamah, keseluruhannya atau sebahagian besarnya disebabkan oleh salah laku pekongsi yang membayar premium itu; atau
- (b) perkongsian itu telah dibubarkan melalui suatu perjanjian yang tidak mengandungi peruntukan bagi pemulangan apa-apa bahagian premium itu.

Hak jika perkongsian dibubarkan kerana fraud atau salah nyataan

43. Jika sesuatu kontrak perkongsian dibatalkan atas alasan fraud atau salah nyataan salah satu pihak kepadanya, pihak yang berhak membatalkan kontrak perkongsian itu berhak, tanpa menjejaskan apa-apa hak lain—

- (a) kepada lien ke atas, atau hak menyimpan, aset lebih perkongsian, setelah menyelesaikan liabiliti perkongsian bagi apa-apa jumlah wang yang dibayar olehnya bagi pembelian suatu bahagian dalam perkongsian itu dan bagi apa-apa modal yang disumbangkan olehnya; dan
- (b) mengambil tempat pemiutang firma bagi apa-apa bayaran yang dibuat olehnya berkenaan dengan liabiliti perkongsian; dan
- (c) ditanggung rugi oleh orang yang bersalah kerana fraud atau yang membuat salah nyataan terhadap segala hutang dan liabiliti firma itu.

Hak pekongsi yang akan keluar dalam hal tertentu untuk berkongsi keuntungan yang diperolehi selepas pembubaran

44. Jika mana-mana anggota sesuatu firma mati atau selainnya terhenti daripada menjadi seorang pekongsi, dan pekongsi yang

menakat atau yang berterusan, menjalankan urusan firma itu dengan modal atau asetnya tanpa apa-apa penyelesaian akaun yang muktamad antara firma dengan pekongsi yang akan keluar atau estetnya, maka, jika tiada apa-apa perjanjian sebaliknya, pekongsi yang akan keluar atau estetnya berhak, atas opsyennya sendiri atau wakilnya, kepada apa-apa bahagian keuntungan yang diperoleh sejak pembubaran itu sebagaimana didapati oleh mahkamah disebabkan oleh penggunaan bahagiannya dalam aset perkongsian itu, atau kepada faedah atas kadar lapan peratus setahun atas amaun bahagiannya dalam aset perkongsian itu:

Dengan syarat bahawa jika, melalui kontrak perkongsian, suatu opsyen diberikan kepada pekongsi yang menakat atau yang berterusan untuk membeli kepentingan seseorang pekongsi yang telah mati atau yang akan keluar, dan opsyen itu digunakan sewajarnya, harta pusaka pekongsi yang mati atau pekongsi yang akan keluar atau estetnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak berhak kepada apa-apa bahagian keuntungan selanjutnya atau keuntungan lain; tetapi jika mana-mana pekongsi yang dianggap bertindak dengan menggunakan opsyen itu tidak dalam segala aspek material mematuhi terma opsyen itu, dia bertanggungjawab untuk menjelaskan di bawah peruntukan terdahulu seksyen ini.

Bahagian pekongsi yang bersara atau yang mati hendaklah menjadi suatu hutang

45. Tertakluk kepada apa-apa perjanjian antara pekongsi, amaun yang kena dibayar oleh pekongsi yang menakat atau yang berterusan kepada seorang pekongsi yang akan keluar atau kepada wakil pekongsi yang mati berkenaan dengan bahagian pekongsi yang akan keluar atau yang mati ialah suatu hutang yang terakru pada tarikh pembubaran atau kematian itu.

Kaedah-kaedah bagi pembahagian aset setelah penyelesaian muktamad akaun

46. Dalam menyelesaikan akaun antara pekongsi selepas pembubaran perkongsian, kaedah yang berikut hendaklah, tertakluk kepada apa-apa perjanjian, dipatuhi:

- (a) kerugian, termasuk kerugian dan kekurangan modal, hendaklah terlebih dahulu dibayar daripada keuntungan, kemudian daripada modal dan akhirnya, jika perlu, oleh pekongsi secara individu mengikut kadar yang mereka berhak berkongsi keuntungan; dan

- (b) aset firma itu, termasuk jumlahnya, jika ada, yang disumbangkan oleh pekongsi untuk menggantikan kerugian atau kekurangan modal, hendaklah digunakan mengikut cara dan susunan yang berikut:
- (i) bagi membayar hutang dan liabiliti firma itu kepada orang yang bukan pekongsi dalamnya;
 - (ii) bagi membayar kepada setiap pekongsi mengikut kadar apa yang kena dibayar oleh firma itu kepadanya bagi pendahuluan dengan dibezakan daripada modal;
 - (iii) bagi membayar setiap pekongsi mengikut kadar apa yang kena dibayar oleh firma kepadanya berkenaan dengan modal; dan
 - (iv) baki terakhir, jika ada, hendaklah dibahagikan antara pekongsi mengikut kadar yang keuntungan itu boleh dibahagikan.

Kecualian

47. (1) Kaedah-kaedah ekuiti dan *common law* yang terpakai bagi perkongsian hendaklah terus berkuatkuasa, kecuali setakat yang ia tidak selaras dengan peruntukan nyata Akta ini.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh dibaca sebagai membenarkan mana-mana pertubuhan yang mengandungi lebih daripada dua puluh orang ditubuhkan atau menjalankan apa-apa urusan perkongsian yang berlawanan dengan perenggan 14(3)(b) Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*].

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 135****AKTA PERKONGSIAN 1961**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuatkuasa dari
Sab. P.W.S 129/1963	Perintah dalam Majlis Mesyuarat Sabah, Sarawak dan Singapura (Perlembagaan Negeri) 1963	16-09-1963
L.N. 458/1964	Perintah Ubahsuaian Undang-undang (Perkongsian) (Sabah) 1964	24-12-1964
Akta A240	Akta Perkongsian (Pindaan) 1974	01-07-1974

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 135****AKTA PERKONGSIAN 1961****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Tajuk Panjang	Akta A240	01-07-1974
2	Akta A240	01-07-1974
3	Akta A240 L.N. 458/1964	01-07-1974 24-12-1964
28	Akta A240	01-07-1974
38	Akta A240	01-07-1974
